

15 JAN 1997

Abdullah-Asean

MALAYSIA SETUJU ADAKAN KEMUNCAK TAHUNAN ASEAN-JEPUN

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Malaysia pada prinsipnya bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto untuk mengadakan sidang kemuncak tahunan antara Jepun dan Asean tetapi struktur dan kekerapan persidangan itu harus dipertimbangkan.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata prinsip untuk mengadakan dialog antara Asean dan Jepun boleh diterima malah telahpun berjalan pada peringkat menteri luar melalui proses Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri sejak tiga tahun lepas.

Abdullah berkata Hashimoto telah mengemukakan cadangan sama ada sidang kemuncak itu diadakan secara rasmi atau tidak rasmi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa perbincangan mereka pada 8 Jan lepas ketika lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri Jepun itu ke sini minggu lepas.

"Dr Mahathir berkata kita boleh pertimbangkan (cadangan itu)," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Permaidani Parsi di sini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Hashimoto dalam ucapan dasarnya di Singapura semalam bahawa lima daripada tujuh negara anggota Asean termasuk Malaysia bersetuju pada asasnya dengan cadangan sidang kemuncak itu.

Hashimoto, yang turut melawat Brunei, Indonesia dan Vietnam sebelum ke Singapura, dilaporkan berkata dialog di peringkat tertinggi antara Jepun dan Asean harus ditingkatkan lagi bagi membina kekuatan hubungan saling dipercayai antara para pemimpin.

Abdullah berkata walaupun Jepun dan Asean telah mengadakan dialog di peringkat menteri sebelum ini "tetapi cadangan Hashimoto itu melibatkan peringkat ketua-ketua negara dengan agenda yang tertentu yang perlu dipertimbangkan."

Ketika ditanya sama ada cadangan Hashimoto itu menunjukkan bahawa Jepun menerima cadangan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Abdullah berkata dialog antara Asean serta China, Jepun dan Korea Selatan telah wujud dalam bentuk formula "Tujuh campur Tiga" antara Menteri-menteri Luar negara-negara berkenaan sejak tiga tahun lepas.

"Pengalaman kami dalam dialog ini adalah pengalaman yang baik kerana segala perbincangan memanfaatkan dan tidak berupa permusuhan atau memusuhi mana-mana pihak," kata beliau.

Mengenai cadangan Malaysia untuk menjemput China, Jepun dan Korea Selatan menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean yang kedua di sini tahun ini, Abdullah berkata ia memang rancangan Malaysia untuk menjemput negara-negara berkenaan sempena ulangtahun Asean ke-30 tahun ini.

"Tetapi ia perlu terlebih dahulu dibincangkan dengan rakan-rakan Asean kita yang lain. Pada pandangan Wisma Putra, ada wajarnya jempunan itu dibuat kerana ia sidang kemuncak ulangtahun dan bukannya sidang kemuncak biasa," kata beliau.

Abdullah juga berkata Malaysia mengalu-alukan perjanjian antara Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu and Presiden Palestin Yasser Arafat hari ini untuk memperluaskan pemerintahan Palestin di Hebron.

"Jika perjanjian ini adalah perjanjian damai dan akan membawa kepada langkah-langkah yang baik yang membantu ke arah mencari penyelesaian kepada masalah Israel dan Palestin maka kita mengalu-alukan perkembangan itu," kata beliau.

Abdullah berkata Malaysia akan memerhatikan perkembangan selanjutnya.

-- BERNAMA
ES AKD